

UPM wujud fakulti baru

BERITA
HARIAN

12/1/95

UNIVERSITI Pertanian Malaysia (UPM) menubuhkan sebuah fakulti baru iaitu Fakulti Pengajian Bahasa Moden, awal tahun ini.

Jurucakap Bahagian Perhubungan Awam UPM, berkata di bawah fakulti itu ada tiga jabatan yang akan menawarkan Program Sarjana Muda Sastera iaitu Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Inggeris dan Jabatan Bahasa Asing.

Sehubungan itu, Prof Dr Amat Juhari Moain, dilantik sebagai Dekan Fakulti berkenaan berkuatkuasa 4 Januari lalu, manakala Prof Dr Abdul Hamid Mahmood sebagai Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Dr Jamali Ismail (Ketua Jabatan Bahasa Inggeris) dan Dr Sali Zaliha Mustapha (Ketua Jabatan Bahasa Asing).

"Dengan penubuhan fakulti baru ini, Jabatan Bahasa yang sebelum ini berada di bawah Fakulti Pengajian Pendidikan diletakkan di bawah fakulti baru berkenaan," katanya.

Menurutnya, 200 pelajar baru akan diambil pada sesi Julai depan untuk mengikuti program di Fakulti Pengajian Bahasa Moden itu.

"Dengan adanya fakulti ini, UPM kini mempunyai 11 fakulti dan tiga pusat pengajian," katanya.